

25 OCT 2000

Muhyiddin-Puteri

HAD UMUR PUTERI UMNO BOLEH DITETAPKAN SELEPAS PERHIMPUNAN KHAS

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Had umur dan peraturan lain berhubung struktur organisasi Puteri Umno boleh ditetapkan selepas perhimpunan agung khas Umno jika perhimpunan itu meluluskan pindaan perlembagaan parti bagi menubuhkan sayap baru parti itu, kata Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata, daripada segi perlembagaan parti, penubuhan Puteri Umno akan hanya membabitkan penambahan dua perkataan iaitu "dan Puteri" pada Fasal 21 manakala semua peraturan mengenai pergerakan itu boleh diputuskan oleh Majlis Tertinggi seperti untuk Pemuda dan Wanita.

"Mungkin kalau dah dipersetujui (oleh MT) mengenai penubuhan Puteri, saya perlu membawa pindaan pada Fasal 21 bahawa pergerakan Pemuda, Wanita dan Puteri boleh ditubuhkan di setiap peringkat Umno, dan Majlis Tertinggi berhak menentukan peraturan-peraturan mengenainya," katanya pada pemberita di sini.

Fasal 21 perlembagaan Umno menyebut: "Pergerakan Pemuda dan Wanita dalam semua peringkat Umno boleh diwujudkan dan Majlis Tertinggi berkuasa membuat peraturan-peraturan-peraturan untuknya".

Muhyiddin, yang pengerusi Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan Umno yakin MT akan mengambil kira semua pendapat Wanita Umno mengenai had umur dan struktur Puteri Umno dalam menetapkan peraturan bagi pergerakan yang baru itu.

Katanya masih ada masa bagi Wanita Umno mengemukakan cadangan berhubung peraturan untuk Puteri Umno.

"Cadangan-cadangan mengenai had umur sekarang mungkin sebagai perbincangan, kita tak perlu ambil kira tentang had umur dan sebagainya (dalam pindaan perlembagaan)," katanya.

Muhyiddin, yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dan rombongannya telahpun berbincang dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung pergerakan Puteri itu.

"Saya fikir elok tunggu lepas mesyuarat Majlis Tertinggi yang akan datang, apakah bentuk sebenar yang nak dicadangkan," katanya.

Beliau akan mengemukakan draf akhir mengenai cadangan-cadangan pindaan perlembagaan parti ke mesyuarat MT pada 30 Okt ini untuk dibincangkan secara lebih terperinci sebelum ia dicetak dan diedarkan kepada perwakilan.

Perhimpunan agung khas itu pada 18 Nov akan hanya membincangkan mengenai usul pindaan perlembagaan parti yang akan dibawa oleh MT dan perbincangan akan hanya terhad kepada perkara-perkara yang dibentangkan untuk pindaan sahaja, kata Muhyiddin.

-- BERNAMA

AFY AHH MAI